



Handwritten notes in red ink: "jurnal", "Sila pinda", "Pulle", and a signature.



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 50
Bil. 1

2hb Januari 1997

TAMBAHAN No. 1
PERUNDANGAN

Tr. P.U. 1.

KANUN TANAH NEGARA 1965

PERATURAN-PERATURAN TANAH TERENGGANU (PINDAAN) 1996

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 14 Kanun Tanah Negara 1965, Pihak Berkuasa Negeri bagi Negeri Terengganu Darul Iman dengan ini membuat peraturan-peraturan berikut: Aktin 56/65.

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan sebagai **Peraturan-peraturan Tanah Terengganu (Pindaan) (No. 1) 1996** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh disiarkan dalam *Warta*. Nama dan mula berkuatkuasa.

2. Peraturan-peraturan Tanah Terengganu 1966 selepas ini disebut "Peraturan-peraturan ibu" adalah dipinda dengan menggantikan peraturan 46 dengan yang berikut: Pindaan Peraturan 46.

PERATURAN 46

46 (1) – PENGKOMPAUNAN KESALAHAN-KESALAHAN

Kesalahan-kesalahan boleh kompaun.

1. Kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen 375, 379, 400, 400A, 403, 422, 423, 424, 425, 425A, 426, 427, 428 dan 429 Kanun Tanah Negara bolehlah dikompaun.

Amaun kompaun yang kena bayar.

2. (a) Amaun kompaun yang kena dibayar berkenaan dengan sesuatu kesalahan boleh kompaun tidaklah boleh melebihi lima ratus ringgit bagi setiap kes.

(b) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran untuk mengkompaun tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran tersebut atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Pentadbir, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh diambil tanpa notis selanjutnya diberikan.

Pembayaran kompaun.

3. (a) Apabila suatu tawaran untuk mengkompaun apa-apa kesalahan dibuat dan diterima, pembayaran hendaklah dibuat kepada Pentadbir dengan wang tunai atau dengan kiriman wang, wang pos atau draf bank yang dibuat atas nama Pentadbir Tanah.

(b) Suatu resit rasmi bagi pembayaran sedemikian hendaklah dikeluarkan kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat.

Borang bagi tawaran untuk mengkompaun dan penerimaan.

4. (a) Suatu tawaran untuk mengkompaun hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual 12.

(b) Penerimaan tawaran untuk mengkompaun hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual 13.

46 (2) – KAD KUASA

Kad Kuasa.

Kad Kuasa yang dikehendaki dikemukakan untuk pemeriksaan di bawah Seksyen 426A (2) Kanun Tanah Negara hendaklah dikeluarkan sebagaimana dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual 7.

3. Peraturan-peraturan Ibu adalah dipinda dengan memasukkan Peraturan baru 47. selepas Peraturan 46, Peraturan 47 baru yang berikut:

PERATURAN 47

LEVI DI BAWAH BAHAGIAN TIGA PULUH
TIGA (A) KANUN TANAH NEGARA

Bayaran Levi dan
lain-lain.

- (1) Levi yang hendak dibayar berkaitan dengan kelulusan di bawah Seksyen kecil (1) Seksyen 433B Kanun Tanah Negara hendaklah berjumlah satu ratus ribu ringgit bagi setiap tanah yang diberimilik atau kepentingan, bahagian yang tidak pecah.
- (2) Levi yang hendak dibayar berkaitan dengan kelulusan di bawah Subseksyen (1) 433E Kanun Tanah Negara hendaklah berjumlah satu ratus ribu ringgit bagi:
 - (a) Setiap tanah diberimilik atau kepentingan bahagian yang tidak dipecah; atau
 - (b) Sebahagian tanah yang diberimilik; atau
 - (c) Sebahagian bangunan yang didirikan atas tanah diberimilik.
- (3) Levi di bawah perenggan kecil (1) atau (2) hendaklah dibayar kepada Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah mengikut kes berkenaan.
- (4) Pihak Berkuasa Negeri bolehlah meminda atau menghapuskan levi yang dikenakan di bawah Peraturan kecil (1) dan (2) di atas.

JADUAL 12

PERATURAN TANAH TRENGGANU 1966
(Peraturan 46 (1))

TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN

Pentadbir Tanah,

.....
.....

Kepada:

.....
.....
.....

Apabila menjawab sila nyatakan:

No. Rujukan Tarikh

Tuan/Puan,

Suatu laporan telah dibuat terhadap anda yang mengatakan anda telah melakukan kesalahan yang berikut di bawah Seksyen Kanun Tanah Negara.

Tarikh Masa * pagi/petang.

Tempat

Kesalahan †

2. Anda adalah dengan ini dimaklumkan bahawa menurut kuasa-kuasa yang terletak pada saya melalui Seksyen 429A Kanun Tanah Negara, saya bersedia, dan dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan itu dengan bayaran sebanyak RM

(Ringgit Malaysia).

Jika tawaran ini diterima, pembayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai, atau dengan kiriman wang, wang pos atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Pentadbir Tanah di pejabat yang tersebut di atas. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan.

3. Tawaran ini akan berkuatkuasa selama hari dari tarikh notis ini dan jika tiada pembayaran dibuat dalam tempoh itu, pendakwaan akan dimulakan tanpa notis selanjutnya.

.....
Tarikh

.....
Pentadbir Tanah

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.
† Beri butir-butir.

JADUAL 13

PERATURAN TANAH TERENGGANU 1966
(Peraturan 46 (1))

PENERIMAAN KOMPAUN

Kepada:

Pentadbir Tanah,

.....
.....

Apabila menjawab sila nyatakan:

Pejabat Tempat

No. Rujukan Tarikh

Pentadbir Tanah,

Saya merujuk kepada tawaran untuk mengkompaun dalam surat tuan
dengan nombor rujukan bertarikh.....

Saya terima tawaran itu dan menyertakan bersama ini wang tunai/
kirimannya wang/wang pos/draf bank No.*sebanyak
RM..... (Ringgit Malaysia:)
bagi menjelaskan kompaun itu.

Tandatangan:

Nama (*Huruf Besar*):

Alamat:
.....
.....



Tarikh:

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

JADUAL 7

PERATURAN TANAH TERENGGANU 1966
(Peraturan 46 (2))

HADAPAN

 2.5 CM  GAMBAR METERAI	KERAJAAN NEGERI TERENGGANU KAD KUASA (AKTA 56/1965)	NO. SIRI
	Nama: No. KPPN.: Jawatan: <i>Tandatangan</i>
8.5 CM		

BELAKANG

Pemegang kad ini dilantik di bawah Seksyen 12 (1) Kanun Tanah Negara 1965 dan dibenarkan untuk melaksanakan tanggungjawab di bawah Kanun yang sama.

Kad ini hendaklah diserahkan kepada Pegawai yang mengeluarkannya apabila pemegang kad ini tidak lagi memegang jawatan berkenaan.

Kehilangan kad ini mestilah dilaporkan dengan segera kepada Polis dan Pegawai yang mengeluarkannya.

Jika dijumpai harap diserahkan kad ini kepada Polis atau mengembalikannya kepada Pegawai yang mengeluarkannya.

.....
Tarikh

.....
*Setiausaha Kerajaan,
 Terengganu*

Bertarikh pada 12 haribulan Disember, 1996.
 [SUK. TR. (S) 688 Bhg. 2; PTG. TR. 00/08/1996/0001.]

OSMAN BIN MUDA,
 Setiausaha,
 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
 Terengganu

NATIONAL LAND CODE 1965

TERENGGANU LAND RULES (AMENDMENT) 1996

IN exercise of the powers conferred by Section 14 of the National Land Code 1965, the State Authority of the State of Terengganu Darul Iman hereby makes the following rules: Act 56/65.

1. These rules may be cited as the **Terengganu Land Rules (Amendment) (No. 1) of 1996** and shall come into force on the date published in the *Gazette*. Citation and commencement.

2. The Terengganu Land Rules 1966, hereinafter referred to as "the Principal Rules" is amended by substituting rule 46 with the following: Amendment of Rule 46.

RULE 46

46 (1) – COMPOUNDING OF OFFENCES

Compoundable offences.

1. The offences under Section 375, 379, 400, 400A, 403, 422, 423, 424, 425, 425A, 426, 427, 428 and 429 of the National Land Code may be compounded.

Amount of compound payable.

2. (a) The compound payable in respect of a compoundable offences shall not exceed five hundred ringgit of each case.

(b) Where the amount specified in the offer compound is not paid within the time specified in the offer, or any extension of it which the Land Administrator may grant, prosecution for the offence shall be instituted without further notice given.

Payment of compound.

3. (a) Where an offer to compound any offence is made and accepted, payment shall be made to the Administrator in cash or by money order, postal or banker's draft made payable to the Land Administrator.

(b) An official receipt for such payment shall be issued to the person to whom the offer to compound was made.

Form for offer to compound and acceptance.

4. (a) An offer to compound shall be made in the form prescribed in Schedule 12.

(b) The acceptance of the offer to compound shall be made in the form prescribed in Schedule 13.

46 (2) – AUTHORITY CARD

Authority Card. The Authority Card for the purposes of Section 426A (2) of the National Land Code shall be in the form set out in Schedule 7.

New rule 47. 3. The Principal Rules in amended by inserting after Rule (46), a new Rule 47 as follows:

RULE 47

“LEVY UNDER PART THIRTY THREE (A)
OF THE NATIONAL LAND CODE

Rate of levy etc. (1) The levy to be paid in respect of any approval under Subsection (1) of Section 433B of the National Land Code shall be one hundred thousand ringgit for each alienated land, undivided share or interest therein.

(2) The levy to be paid in respect of any approval under Subsection (1) of Section 433E of the National Land Code shall be one hundred thousand ringgit for:

(a) each alienated land, undivided share or interest therein; or

(b) each part of any alienated land; or

(c) each part of any building to be erected on any alienated land.

(3) The levy under subparagraph (1) or (2) shall be paid to the Registrar of Titles or the Land Administrator, as the case may be.

(4) The State Authority may vary, or remit this levy imposed under Subrules (1) and (2) above.

SCHEDULE 12

TERENGGANU LAND RULES 1966
(Rule 46 (1))

OFFER TO COMPOUND

Land Administrator,

.....
.....

To:

.....
.....
.....

In reply please quote:

Reference No. Date

Sir/Madam,

A report has been made against you alleging that you committed the following offence under Sectionof the National Land Code.

Date Time * a.m./p.m.

Place.....

Offence†

.....

2. You are hereby informed that by virtue of the powers vested in me by Section 429A of the National Land Code, I am prepared, and hereby offer to compound the offence for a sum of RM (Ringgit Malaysia). If this offer is accepted, payment must be made by cash, or by money order, postal order or banker's draft made payable to the Land Administrator to the office quoted above. An official receipt will be issued.

3. This offer will remain in force for days from the date of this notice and if no payment is made within that period, prosecution will be instituted without further notice.

.....
Date

.....
Land Administrator

* Delete where appropriate.
† Give details.

SCHEDULE 13

TERENGGANU LAND RULES 1996
(Rule 46 (1))

ACCEPTANCE OF COMPOUND

To:

Land Administrator,

.....
.....

In reply please quote:

Office Place

Reference No. Date

Land Administrator,

I refer to the offer to compound in your letter bearing reference
number and dated I accept the
offer and enclose herewith *cash/money order/postal order/banker's
draft No. for the sum of RM.....

(Ringgit Malaysia:) in full
settlement of the compound.

Signature:

Name (*in Block Letters*):

Address:

.....
.....


Date:

* Delete as appropriate.

SCHEDULE 7

TERENGGANU LAND RULES 1966
(Rule 46 (2)).

FRONT

	STATE OF TERENGGANU AUTHORITY CARD (ACT 56/1965)		SERIAL NO.
	<div style="border: 1px solid black; width: 100px; height: 100px; display: flex; align-items: center; justify-content: center;"> PHOTO </div>	Name: NRIC No.: Appointment:	<div style="border-top: 1px dotted black; width: 100%;"></div> <i>Signature of Holder</i>
SEAL			

2.5 CM

8.5 CM

5 CM

BACK

The holder of this card is appointed under Subsection 12 (1) of the National Land Code and is authorised to execute the responsibilities under the same code.

This card is required to be surrendered to the issuing office when the holder no longer holds the appointment.

The loss of this card must be reported immediately to the Police and the issuing office.

If found please surrender this card to the Police or return it to the issuing office.

.....
Date

.....
State Secretary,
Terengganu

Dated this 12th December, 1996.

[SUK. TR. (S) 688 Bhg. 2; PTG. TR. 00/08/1996/0001.]

OSMAN BIN MUDA,
Clerk of Council,
Terengganu



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA